Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

'Demam' menjelang mesyuarat perwakilan

■ DATUK SERI WAN MOHAMED WAN TEH

Oleh RAJA AHMAD ZAINUDDIN

DEMAN pilihanraya umum sejak akhir-akhir ini ketara sekali, terutama di kalangan ahli UMNO tanahair.

Tidak hairanlah mesyuarat agung perwakilan 114 buah bahagian di seluruh negara kali ini lebih rancak dan hebat.

Sungguhpun tarikh sebenar pilihanraya masih menjadi percaturan, tetapi tidak kurang pula mereka yang begitu ghairah untuk menjadi calon.

Begitu jugalah bila tumpuan beralih ke UMNO Perak yang sangat disegani kerana kekuatannya — mengangunggi 21 buah bahagian, keadaannya adalah lebih kurang sama dengan negeri-negeri lain.

Ahli-ahli UMNO sama ada di peringkat bahagain atau cawangan sudah pasti sibuk ke sana ke mari mencari pengaruh.

Telatah mereka tidak terhad di situ saja dan lobi-melobi untuk menjadi calon mula rancak walaupun setengah dari mereka sedar akan kebolehan dan kemampuan menjadi seorang wakil raykat.

Tetapi, apakah sudah pasti bila memegang jawatan penting di peringkat bahagian, mereka itu akan terus dipilih menjadi calon? Jika ditoleh ke belakang iaitu di masa-masa lalu sangkaan sedemikian sama sekali meleset.

Perubahan

Walaupun pada umumnya pentabiran Mahathir-Musa akan membuat sesuatu perubahan, tetapi ia tidaklah secara mendadak, hingga boleh mengeruhkan keadaan.

Sebagai contoh dalam pilihanraya kebangsaan lalu seorang ketua bahagian Perak tidak dipilih bertanding sebaliknya setiausaha bahagian berkenaan yang memiliki tuah.

Memanglah tidak dapat dinafikan persidangan peringkat bahagian kali ini lebih hebat kegilaan setengah mereka mencari tempat.

Ia tidak saja berakhir di situ, tetapi mungkin juga berputik di kalangan Pemuda dan Wanita yang juga mungkin merasakan mereka juga perlu diberi peluang.

Dari tinjauan yang dibuat dan beberapa ramalan yang diperolehi dari kalangan tokoh UMNO, mereka tidak menolak kehebatan pemilihan jawatan-jawatan penting peringkat bahagian kali ini.

Ramalan awal menunjukkan beberapa tokoh UMNO peringkat bahagian di duga menghadapi persaingan untuk mengekalkan kedudukan mereka.

Berikut ialah ramalan yang diperolehi mengikut bahagian:

Grik - pimpinan Menteri Besar Perak Datuk Seri Haji Wan Mahamed bin Haji Wan Teh (menang tidak bertanding untuk jawatan ketua). Beliau mula memegang jawatan tersebut sejak perletakkan jawatan bekas Menteri Besar Tan Sri Ghazali Jawi akhir tahun 1977.

Ketokohan Ahli Parlimen Grik Encik Mohd Tajol Rosli Tan Sri Ghazali dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Temengor Encik Shamsuddin Haji Din selaku orang ketiga dan kedua penting di bahagian itu juga dijangka tidak tercabar.

Walaupun kalangan intelek di bahagian yang wujud sejak tahun 1974 itu telah diberi peluang, tetapi mereka setakat ini masih berkeyakinan dengan tokoh-tokoh yang ada.

Kecuali ketua pengerakan Wanitanya, Puan Teh Zaharah Yeop, seorang penyelia agama Kemas Grik, jawatan ketua Pemuda diduga akan dipertandingkan.

Ini ialah kerana Encik Johan Lahamat dikatakan telah habis tempoh untuk meneruskan khidmatnya selaku ketua Pemuda.

Di antara tokoh Pemuda yang mungkin mencuba nasib merebut jawatan tersebut ialah Encik Mat Hashim, seorang pengelola sekolah dan Ustaz Hassan Basri, naib ketua Pemuda sekarang.

Batu Gajah — Encik Abas Abdul Samad akan ditentang oleh ketua Pemudanya sendiri Encik Yusof Kassim bagi mempertahankan jawatan ketua.

Walaupun untuk menewaskan Encik Abas, seorang tuan punya lombong bukanlah satu perkara mudah, tetapi Encik Yusof dikatakan begitu kuat berkempen.

Encik Yusof yang juga anak saudara Encik Abas ingin merebut jawatan itu kerana tempoh perkhidmatannya di peringkat Pemuda telah habis.

Menglembu - sejak Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal mengambilalih pucuk pimpinan dari Encik Idris Salim beberapa tahun lalu, kedudukannya tidak pernah tercabar.

Lombong

Bagaimanapun, seorang pemaju perumahan dan pelombong tempatan Haji Yahya Shafie dikatakan telah giat mengembalikan semula imejnya dan bersedia merebut jawatan tersebut.

Haji Yahya bukanlah orang asing di bahagian tersebut. Beliau pernah menjadi naib ketua sehinggalah di mesyuarat perwakilan dua tahun lalu bila beliau menarik diri.

Seorang lagi tokoh yang disebut-sebut akan turut bertanding merebut jawatan timbalan ketua ialah Encik Abdullah Hussein yang baru-baru ini mengambilalih jawatan pengerusi Persatuan Pemborong Bumiputera Binaan Perak menggantikan Haji Ahmad Azizuddin yang juga Speaker Dewan Negeri.

Keinginan beliau merebut jawatan itu ialah berikutan dengan kekosongan yang berlaku akibat kematian Allahyarhum Encik Osman Datuk Setia Nordin tokoh berpengaruh di bahagian ini.

Ahli Perbendaran Ipoh Encik Naburi Idin yang sekarang naib ketua bahagian juga mungkin tidak memberi peluang untuk merebut jawatan kedua penting memandangkan kekosongan itu.

Kedudukan Dr. Abdullah FadzilChe Wan dan emaknya Toh Bijayawati Onn Zariah binti Abu Bakar selaku ketua Pemuda dan ketua Wanita dikatakan tidaklah tercabar.

Ipoh - tokoh veteran Datuk Ismail Abdul Majid mungkin dicabar sekali lagi oleh timbalannya Encik Azmu Tak yang hanya tewas beberapa undi dalam pemilihan lalu.

Peringkat Pemuda juga menjadi persaingan antara tokohnya sekarang Encik Zahid Haji Sirat yang mungkin ditentang oleh seorang muka baru.

Menentang

Ketua Wanitanya Toh Perkermawati Kak Jah Lawa mungkin dapat mengekalkan jawatan tersebut memandangkan ketiadaan tokoh lain.

Bagan Serai - bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Haji Ramli Omar yang tewas secara tidak disangka dalam sidang lalu mungkin meletakkan calon untuk menentang anggota exco Haji Zainal Abidin bin Zin.

Kekosongan yang akan berlaku berikutan habis tempoh Haji Zainal Abidin selaku ketua Pemuda bahagian juga mungkin diambilalih sama ada oleh naib ketuanya sekarang Encik Shamsuddin Man atau setiausahanya Encik Kamal Anwar Harun.

Encik Kamal Anwar adalah juga setiausaha Pemuda UMNO Perak yang dipimpin oleh Haji Zainal Abidin.

Kinta - bekas penghulu Megat Amir bin Megat Yahia mungkin dapat mengekalkan jawatan selaku ketua walaupun terpaksa menghadapi pertentangan satu lawan satu.

Ramalan tidak menolak kemungkinan bekas ketua Haji Taib Hamid yang tewas ditangan Megat Amir di sidang yang lalu mengutarakan seorang calon lain kali ini.

Di peringkat Pemuda Encik Hanif Saidin, seorang guru masih berkemampuan mengekalkan kedudukannya walaupun terpaksa berdepan dengan seorang calon baru.

Ahli Parlimen Kuala Kangsar Puan Yong Fatimah Razali diduga tidak menghadapi persainagn untuk mengekalkan jawatan ketua Wanita bahagian tersebut memandangkan ketokohannya di peringkat negeri selaku timbalan ketua Wanita yang dipimpin oleh Toh Bijayawati Onn Zariah.

Teluk Anson - Ahli Dewan Undangan Changkat Jong Encik Darus Said mungkin berundur diri kali ini untuk memberi peluang kepada timbalannya Encik Arshad Abdullah mengambilalih pucuk pimpinan bahagian itu.

Bagan Datuk - kedudukan Encik Mohd Yaacob mungkin tidak dicabar sekiranya beliau berjaya mendapatkan kawasan Parlimen Bagan Datuk untuk UMNO. Beliau ialah juga ADUN kawasan Rungkup.

Ketua Wanitanya pula Puan Radziah Maharuddin yang juga ADUN kawasan Hutan Melintang juga dipercayai akan menghadapi tentangan. Setakat ini belum diketahui calon yang sesuai.

Padang Rengas - anggota exco Haji Saidin Mat Piah walaupun mungkin ditentang, tetapi ketokohannya di kalangan ahli UMNO tempatan tidak akan trjejas dan masih berkemampuan.

Hilir Perak - anggota exco Ramli Ngah Talib diduga tidak menghadapi rintangan memenangi semula jawatan ketua tanpa bertanding. Ketika ini pengaruhnya begitu memuncak terutama sejak dilantik menjadi timbalan ketua UMNO Perak.

Pada keseluruhannya bahagian itu juga tidak menghadapi perebutan untuk jawatan-jawatan lain.

Parit - Datuk Haji Hisan Ibrahim, ketua penerangan UMNO Perak tidak menghadapi halangan besar. Tetapi ketua Wanitanya mungkin berubah dari Hajah Rokiah Kayat kepada Puan Nen Abidah Abdullah, anggota exco Wanita UMNO Malaysia.

Seorang guru siswazah Encik Ahmad Hambal kini mengetahui Pemuda dan disebut-sebut sebagai calon baru di kawasan Parlimen Parit dijangka mengambilalih jawatan nombor dua terpenting di bahagian itu.

Tanjung Malim - ADUN Slim Haji R.M. Idris yang pada satu ketika diduga akan ditentang untuk menggekalkan jawatan ketua, tetapi mungkin tidak jadi kerana seorang pegawai di Jabatan Pelajaran Perak Encik Zulkernain Abdul Rahman dikatakan akan menarik diri.

Encik Zulkernain adalah juga timbalan ketua bahagian sekarang.

Taiping - kecuali Haji Abdul Khalid Nasir, setiausaha politik Menteri Besar yang diduga dapat menggekalkan jawatan ketua, yang lain termasuk timbalannya Encik Kassim Mahmud seorang guru didapati akan mendapat saingan, tetapi tidaklah hebat.

Larut - Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa dijangka melepaskan jawatan ketua kepada timbalannya Haji Abdul Aziz Haji Ahmad, ADUN Selama.

Tempat Haji Abdul Aziz akan diambilalih oleh ADUN Batu Karus Abdul Manan Mohd Ali, seorang bekas pegawai Kemas manakala jawatan ketua Pemuda yang kini disandang oleh Encik Jefry Yunus dijangka tidak berubah.

Matang — ADUN Bukit Gantang Haji Ahmad Mansur diduga tidak menghadapi persaingan, kecuali di peringkat jawatan lain.

Batang Padang — kecuali Haji Jumah Salir, ketua biro veteran UMNO Perak, yang lain termasuk anggota exco Encik Abdul Wahab Abu Bakar naib ketua mungkin menghadapi tentangan.

Sungai Siput — Haji Bashir Bahari, ADUN Lintang mungkin tidak bertanding kali ini untuk memberi peluang kepada seorang muka baru mengetahui bahagian ini.

Seperti anggota exco kanan Datuk Abdul Malek yang mengetahui bahagian Beruas, ketua-ketua bahagian lain walaupun menghadapi sedikit persaingan, tetapi mereka dikatakan mungkin berjaya menggekalkan jawatan masing-masing.

Dalam sidang yang lalu hanya dua daripada 21 ketua bahagian UMNO di Perak Tewas manakala beberapa orang muka baru mengambilalih pimpinan peringkat Pemuda.

Tidak kurang 10 tokoh Pemuda dikatakan terpaksa mengundur diri kali ini kerana umur yang menjangkau 40 tahun, tetapi di peringkat Wanita pada keseluruhannya diduga tidak banyak berubah.